

Sistem rel ke KKIP tetap memberi 'manfaat besar'

Oleh LESTER KONG
KOTA KINABALU: Landasan keretapi dari stesen Kepyayan ke Pelabuhan Sepangar melalui Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) boleh membawa lebih banyak industri ke lokasi tersebut.

Selama beberapa tahun, perbincangan telah dibuat antara KKIP dan kuasa-kuasa tempatan untuk membina sistem landasan tersebut. Satu cadangan tidak rasmi juga telah diajukan oleh KKIP untuk tujuan itu.

Tetapi sama ada cadangan

itu akan diambil tindakan atau tidak, sistem rel untuk menyediakan khidmat ke kawasan itu tetap memberi "manfaat besar", kata Chong Hon Len, Ketua Pegawai Eksekutif KKIP Sdn Bhd, penyelia Taman itu.

"Hampir 10 tahun telah berlalu sejak pelan induk itu didraf untuk KKIP, dan ini termasuk cadangan membina sistem rel bagi perkhidmatan penumpang dan kargo," katanya di sini pada Sabtu.

Difahamkan, pelan induk itu termasuk peruntukan tapak seluas 100 ekar bagi

stesen keretapi yang dicadangkan dan beberapa kerja pelurusan landasan telahpun dikenalpasti untuk lot-lot tanah itu.

Menurut Chong, sistem rel itu lebih mendatangkan faedah kepada KKIP dan Pelabuhan Sepangar kerana banyak institusi dan industri akan dibina di situ tidak lama lagi.

"Para pekerja dan pelajar dari luar Pantai Barat seperti Kudat dan Pedalaman akan lebih mudah untuk belajar dan bekerja di situ."

Dengan sistem rel KKIP

itu, barangan boleh dihantar dengan kos yang rendah ke pelbagai daerah yang sekarang ini bergantung kepada kenderaan jalan untuk mendapatkan bekalan mereka.

Sambil industri-industri ini berkembang dan lebih banyak firma membina kedai di KKIP dan kawasan sekitarnya, lebih ramai pekerja akan diperlukan bekerja di situ serta pengangkutan yang murah dan boleh dipercayai akan diperlukan untuk membawa mereka ke situ," kata Chong.

"KKIP akan menjadi pusat pekerjaan bagi para pekerja di Sabah," katanya.

Beliau juga menegaskan, banyak institusi pendidikan yang menumbuh di sekitar Taman itu juga akan memerlukan perkhidmatan keretapi itu apabila semakin ramai pelajar tempatan dan asing dimasukkan ke situ.

Antara lain, sudah ada UMS, UiTM, Politeknik Kota Kinabalu, ILP (Institut Latihan Perindustrian), Pusat Kemahiran dan Teknologi Sabah (SSTC), Mardi, Sirim, dan yang dicadangkan, Pusat Intan.

Chong menyatakan, KKIP telah mengemukakan permintaan kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk melihat daya maju pembinaan sistem rel itu.

"Cadangan itu dikatakan sebagai lojik dan berdaya maju," katanya.

Menurut Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Benny Wang "masih terlalu awal" untuk mengadakan

sebarang perbincangan tentang keretapi ke Sepangar, tetapi ia telah dicadangkan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Satu sumber Jabatan Keretapi menyatakan, sistem rel itu berkemungkinan besar akan menyambung landasan sedia ada dari Kinarut ke kawasan antara Donggongan dan Lido di sini, dan menuju ke Menggatal sebelum disambung kepada KKIP dan Teluk Sepangar.

Tetapi pemasangan landasan itu tertakluk kepada perubahan lanjut.

Dr Adrian Chong, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar berkata, jabatan itu akan mengambil seorang konsultan untuk meneliti pembinaan landasan itu.

Kemudiannya, cadangan akan dibuat hasil daripada kajiselidik konsultan berkenaan dan dikemukakan kepada Dewan Bandaraya dan Lembaga Perancangan Pusat Bandar dan Wilayah untuk kelulusan, katanya.

DAILY EXPRESS

2/5/2003

UNIVERSITI MA